

## NILAI CINTA KEPADA ALLAH

'Abdullah Bin Mas'ud R.A. pernah berkata:

"Sesiapa yang hendak mengetahui sejauh mana dia mencintai Allah, maka lihatlah sekadar mana keadaan dirinya dengan al-Quran. Sesiapa yang cintakan al-Quran, dia akan mencintai Allah. Hal ini kerana al-Quran adalah Kalamullah."

Kesimpulannya:

1. Sesiapa yang cintakan Allah, dia akan suka dan selalu membaca Kalamullah iaitu al-Quran yang mulia.
2. Justeru, jadikanlah bacaan al-Quran sebagai rutin harian sebagaimana rutin harian kita membaca WhatsApp, Telegram, Facebook dan sebagainya.
3. Manfaatkanlah kemudahan aplikasi al-Quran di dalam smartphone dan pelbagai gajet yang boleh dibaca di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa dengan meraikan adab dan hukum yang berkaitan dengan bacaan al-Quran.

"Ya Allah!! Rahmatilah kami dengan Al-Quran. Jadikanlah ia sebagai pimpinan, cahaya petunjuk dan rahmat. Ya Allah!! Ingatkanlah kami apa yang terlupa, ajarkanlah kami apa yang tidak diketahui, kurniakanlah kami dapat membaca siang dan malam. Jadikanlah ia perisai kami. Maha Tuhan semesta alam.."

Dalam ayat ini, Allah menunjukkan ancaman dan penentangan-Nya terhadap orang-orang yang lebih mencintai hal selain Diri-Nya, Rasul-Nya, dan jihad di jalan-Nya.

**~"Katakanlah : "Jika bapak-bapak, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya." Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik. (QS. At-Taubah [9]:24).~**